

Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains Kali Pertama Pusat Persediaan Sains dan Teknologi

* Artikel Oleh: Mohd. Saffuan Yakub

Majlis Penyampaian Sijil Asasi Sains, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali pertama telah berlangsung pada 1 Julai 2010 bertempat di Dewan Resital, Sekolah Pengajian Seni (SPS). Majlis tersebut telah dirasmikan oleh wakil Naib Canselor UMS Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah. Antara intipati teks ucapan beliau menyatakan bahawa para penerima sijil berkenaan adalah aset yang sangat berharga kepada UMS selaras dengan usaha melahirkan graduan yang berinovatif dan produktif. Di samping itu, Pengarah PPST, Dr. Sazmal Effendi Arshad berkata ke semua 33 orang pelajar yang berjaya menamatkan pengajian Program Asasi Sains akan meneruskan pengajian masing-masing di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UMS. Tiga penerima anugerah pelajar pada majlis itu termasuklah Anugerah Naib Canselor, Nabilah Akriah; Anugerah Dekan, Mohamad Syazmeen Mohd. Shah Omar dan Anugerah Pelajar Harapan, Mohd. Shahreyzul Farizul.



Penerima Anugerah Naib Canselor, Nabilah Akriah.



Penerima Anugerah Dekan, Mohamad Syazmeen Mohd. Shah Omar.



Penerima Anugerah Pelajar Harapan, Mohd. Shahreyzul Farizul.